



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	17/12/2012

# Syabas sukarkan proses tukar meter

Oleh MUHAMMAD ARIF ISMAIL

**KLANG:** Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) sengaja mengenakan syarat yang ketat bagi mengagalkan usaha penduduk pangsapuri mendapatkan air percuma yang ditawarkan kerajaan negeri, dakwa Pengerusi Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Bukit Kuda, Ahmad Ibrahim.

Menurut beliau, antara syarat dikenakan Syabas adalah memerlukan persetujuan daripada semua penghuni termasuk permohonan baru menerusi borang kebenaran tukar meter (SMP).

Syabas juga, jelas Ahmad mengenakan kos pem-



Ahmad Ibrahim

baikan paip dan pengubahsuaian *meter stand*.

"Syarat yang ditetapkan itu sangat menyusahkan. Sewajarnya Syabas faham untuk melaksanakan semua syarat itu bukan mu-

dah, banyak masalah yang dihadapi oleh penduduk dan JMB sendiri.

"Pengalaman saya dalam menguruskan permohonan itu memakan masa setahun baru selesai, itu selepas ditolak beberapa kali oleh Syabas sehingga saya terpaksa ke Ibu Pejabat Syabas untuk berusaha mendapatkan air percuma," kata beliau.

Ahmad ditemui selepas program 'Terima Kasih Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim kerana memberi air percuma' oleh penduduk pangsapuri berkenaan, 9 Disember lalu.

Menurutnya, sejumlah 450 unit kediaman terpaksa membayar RM45 bagi

mengubahsuaikan *meter stand* kediaman masing-masing agar selaras dengan kehendak syarikat tersebut.

Ahmad menambah, pihak pengurusan pangsapuri juga terpaksa mengeluarkan wang daripada tabung JMB berjumlah RM15,000 sebagai pendahuluan untuk melangkaikan semua tunggakan bil.

Beliau terpaksa bertemu semua pemilik pangsapuri untuk mendapat persetujuan berhubung usaha tersebut.

"Penduduk juga perlu faham, begitu juga dengan JMB, jangan menyalahkan kerajaan negeri. Mungkin permohonan yang dihantar kepada Syabas itu tidak lengkap," katanya.

Harakah - 17/12/2012